

## **Pengambilan syabu trend penagih dadah di Sarawak**

Posted on August 8, 2014, Friday

KUCHING: Pengambilan syabu didapati menjadi trend di kala-ngan penagih dadah di Sarawak sehingga bilangan klien di Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (CCRC) Kuching sekarang boleh dikatakan kesemuanya merupakan penagih dadah jenis sintetik itu.

Ini jelas apabila statistik CCRC Kuching setakat 5 Ogos tahun ini menunjukkan daripada seramai 117 keseluruhan klien dari negeri ini, 116 orang merupakan penagih syabu dan cuma seorang penagih ganja.

Menurut Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik DSP Osman Adam, bekalan syabu di negeri ini adalah diimport dari luar negara dengan modus pengedaran yang dikenal pasti sebelum ini adalah melalui khidmat kurier.

“Trend sekarang adalah peng-ambilan dadah jenis sintetik seperti syabu dan eramin 5 berbanding dahulu yang cenderung kepada dadah tradisional seperti ganja dan heroin.

“Bagaimanapun, syabu tidak diproses di Sarawak kerana bekalannya diimport dari luar negara melalui khidmat kurier dan ia boleh didapati pada harga pasaran RM50 bagi 0.01 gram.

“Namun jumlahnya tidak besar selain pasarannya juga menurun sekarang,” katanya kepada pemberita pada sidang media sempena Majlis Aspirasi dan Penghargaan CCRC Kuching 2014 di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pelawat CCRC Kuching Datuk Abang Khalid Abang Marzuki, Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sarawak Wan Madihi Wan Salleh dan Pengarah CCRC Kuching Winnie Lugit.

Berdasarkan statistik penuh CCRC Kuching, bilangan ke-seluruhan klien yang direkodkan setakat ini adalah seramai 118 orang di mana 117 orang adalah dari Sarawak dan seorang dari Sabah.

Setakat Ogos ini, bilangan kemasukan klien yang direkodkan adalah seramai 84 orang manakala 34 orang lagi adalah daripada kemasukan pada 2013.

Kebanyakan klien tersebut adalah daripada kaum Melayu iaitu seramai 74 orang diikuti Cina 23 orang dan 21 orang daripada bangsa lain.

“Daripada 118 klien ini (dari Sarawak dan Sabah), 117 orang adalah penagih syabu dan seorang sahaja penagih ganja.

“Mereka akan menjalani program pemulihan dari satu se-hingga dua tahun,” kata Winnie sambil menambah, berdasarkan pencapaian CCRC Kuching setakat ini, 90 peratus klien telah berjaya dipulihkan manakala 10 peratus lagi terlibat balik dalam pengambilan dadah.

Sementara, Wan Madihi ber-kata AADK Sarawak kini juga meletakkan seramai 1,050 pe-nagih dadah di seluruh negeri di bawah pengawasan mereka.

Selain itu, beliau berkata pihak-nya turut mengenal pasti lima kawasan utama penagih dadah iaitu di Batu Kawa, Kenyalang Park dan Samariang (Kuching), Sungai Merah (Sibu) dan Taman Tunku (Miri).

“Kami sekarang sedang giat menjalankan program pencegahan, lawatan dan pemeriksaan di semua daerah sehingga hujung tahun ini,” katanya.